

KERAJAAN NEGERI KELANTAN

PEKELILING PENGARAH TANAH DAN GALIAN, KELANTAN BIL. 4 TAHUN 2000

TINDAKAN PENGUATKUASAAN BAGI TUNGGAKAN CUKAI TANAH DI BAWAH SEKSYEN 100 KTN DAN TUNTUTAN DIBAWAH SEKSYEN 16 KANUN TANAH NEGARA 1965

Pekeliling ini dikeluarkan untuk memberitahu semua Pentadbir-pentadbir Tanah Jajahan bahawa Kerajaan Negeri telah memberi persetujuan untuk membolehkan tindakan-tindakan berikut di ambil keatas kegagalan menjelaskan cukai tanah:

- i. Perampasan di bawah Seksyen 100 KTN
 - ii. Tuntutan Sivil di Mahkamah dibawah Seksyen 16 KTN
2. Persetujuan ini telah dibuat oleh kerajaan melalui Persidangan Majlis Mesyuarat Kerajaan Kali Ke 20/2000 yang telah diadakan pada 13hb. September 2000 setelah menimbang dan memutuskan Kertas Bil. 20/979/2000 ; berasaskan pertimbangan-pertimbangan seperti berikut :-
- i) Cukai tanah merupakan sumber hasil utama Kerajaan Negeri selepas hasil hutan peningkatan cukai tunggakan semakin meningkat dari tahun ke tahun sehingga mencapai kepada 7 juta pada 31hb. Disember 1999, sekaligus merugikan Pihak Negeri.

- ii) Pemilik-Pemilik tanah wajar diberi pengajaran dan supaya mereka sedar tentang tanggungjawab membayar cukai. Tindakan di atas juga sesuai bagi tujuan membolehkan :-
 - a. Peraturan dan Kaedah-Kaedah Tanah Negeri serta Kanun Tanah Negara 1965 dikuatkuasakan secara menyeluruh.
 - b. Perlaksanaan tuntutan sivil di Mahkamah dilaksanakan.
 - c. Pentadbir-Pentadbir Tanah menjalankan tugas sewajarnya tanpa dibebani masalah dalam penguatkuasaan peruntukan undang-undang.
 - d. Tindakan-tindakan dapat diambil selari dengan teguran dan pengesyoran Pihak Ketua Audit Negara.
- 3. Adapun langkah dan tindakan perundangan yang telah dipersetujui oleh Kerajaan Negeri terkandung di dalam buku panduan “Tunggakan Cukai Tanah Dan Penyelesaian Di Bawah Seksyen 100 KTN dan Tuntutan Di Bawah Seksyen 16 KTN ” yang **diLampirkan** bersama-sama ini.
- 4. Pekeliling ini hendaklah berkuatkuasa serta merta.

t.t
(Dato' Haji Md Yusuff bin Noh)
PENGARAH TANAH DAN GALIAN
KELANTAN

KEPADA :

YABrs. Semua Pentadbir Tanah Jajahan
Negeri Kelantan

SALINAN KEPADA :

1. YAB Tuan Guru Dato' Menteri Besar Kelantan.
2. YB Timbalan Menteri Besar Kelantan.
3. YB Dato' Setiausaha Kerajaan Negeri Kelantan
4. YBM Dato' Tengku Pegawai Kewangan Negeri Kelantan
5. YB Penasihat Undang-Undang Negeri Kelantan
6. YABrs. Ketua Audit Negeri Kelantan
7. YBrs. Ketua Penolong Setiausaha (Majlis Mesyuarat Kerajaan)

**PEJABAT PENGARAH TANAH DAN GALIAN
NEGERI KELANTAN
BLOK 3, KOTA DARULNAIM,
15576 KOTA BHARU**

**FAIL : PTG KN 4485 JLD 2(3)
BERTARIKH : 03 RAMADAN 1421 H.
29 NOVEMBER 2000.**